

**PUCUNG GELAM**  
Von Schrenck's Bittern

FAMILL: Ardeidae

NAMA SAINTIFIK: *Ixobrychus eurhythmus*

**CIRI-CIRI**

Individu jantan dan betina bagi spesies ini mempunyai warna yang sama iaitu coklat tetapi coraknya sedikit berbeza. Individu jantan mempunyai bahagian tepi kepala dan bahagian atas badan yang berwarna coklat gelap dengan jalur di atas kepala yang berwarna kehitaman. Bahagian atas sayap berwarna kuning pucat manakala bulu penerbangannya iaitu bulu primer dan sekunder yang terdapat pada belakang sayap berwarna kelabu. Bagi individu betina dan juvenil pula, terdapat bintik putih pada sayap dan juga bahagian atas badan manakala bulu penerbangan dan ekor berwarna kelabu kehitaman. Panjang keseluruhan bagi spesies ini ialah 39-42 sm.

**MAKANAN**

Diet bagi spesies ini terdiri daripada pelbagai hidupan akuatik seperti ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan juga anak-anak burung.

**HABITAT**

Habitat bagi spesies ini adalah di kawasan yang berpaya atau kolam di kawasan hutan dan juga kawasan hutan sekunder. Kadangkala, spesies ini juga dijumpai di kawasan yang terbuka dan tanah pamah.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi ***baw baw*** iaitu semasa musim membiak.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.